

# UBAH MINDA KE KELAS PERTAMA

Oleh Maheran Ayub

**B**erasa loya dan menjijikkan? Pasti anda pernah mengalami situasi ini terutamanya di tandas awam. Bau hancing dan busuk dari tandas yang kotor mencemari pandangan tatkala kaki melangkah masuk ke tandas awam seperti di Hentian Rehat dan Rawat dan di stesen minyak. Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah menzahirkan rasa malunya terhadap keadaan tandas di negara ini yang tidak bersih dan berbau busuk. Sehubungan dengan itu, adakah kita ingin dikenali sebagai rakyat yang tiada kesedaran sivik? Sudah pasti tidak sama sekali.

Menurut aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye, beliau menyarankan agar pihak berkuasa dan rakyat menjadikan budaya penyelenggaraan sebagai suatu cara hidup. Masyarakat tidak seharusnya berfikir seperti warga dunia kelas ketiga dalam aspek penyelenggaraan tetapi mempunyai infrastruktur kelas pertama. Berdasarkan statistik, sebanyak 61 peratus daripada 10 257 tandas awam di seluruh negara berada dalam keadaan yang teruk. Hanya 350 atau 3.4 peratus sahaja yang mencapai penarafan lima bintang, manakala 1086 atau 10 peratus pula dalam keadaan amat teruk untuk mendapat penarafan satu bintang yang paling minimum.

Subjek Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dan Pendidikan Moral juga telah lama diajar di sekolah rendah dan menengah, yang merangkumi nilai murni dalam kehidupan. Antaranya, termasuklah menghargai dan memelihara harta awam. Walau bagaimanapun, hasil pengajaran daripada subjek Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan masih belum menampakkan kesan yang memberangsangkan. Namun begitu, isu menjaga dan menghargai harta awam sebenarnya terletak pada diri seseorang itu sendiri.

Sebagai rakyat Malaysia, kita pastinya berasa bertuah kerana pembangunan negara yang pesat ini telah direalisasikan oleh kerajaan dengan penyediaan pelbagai kemudahan awam. Kita perlu bersyukur kerana dengan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan melalui pihak

berwajib demi keselesaan hidup semua. Tugas menjaga kemudahan awam ialah tanggungjawab kita bersama. Oleh itu, harta benda awam harus dijaga dan disayangi seperti kita menyayangi harta benda kita sendiri.

Antara kemudahan awam tersebut termasuklah taman rekreasi, pondok perhentian bas, tandas awam, telefon awam, kemudahan untuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan lain-lain. Oleh itu, kepentingan kemudahan awam kepada masyarakat memang tidak dapat disangkal lagi. Pelbagai cara dan kempen telah dianjurkan oleh pihak kerajaan dan pelbagai pihak lain semata-mata untuk mewujudkan rasa sayang dan menghormati harta awam. Namun begitu, kesedaran sivik dalam kalangan rakyat di negara ini masih lagi rendah sehingga ada yang sanggup melakukan aktiviti vandalisme secara berleluasa.

Banyak kemudahan awam lain seperti telefon awam, meter letak kereta, alatan permainan di taman rekreasi, tandas awam dan tempat menunggu bas telah dirosakkan dengan teruk. Hal ini berbeza daripada sikap rakyat negara jiran seperti Singapura, yang mempunyai tahap kesedaran sivik terhadap harta awam yang cukup tinggi. Harta awam yang disediakan kerajaan dianggap sebagai harta milik sendiri yang wajib dijaga dengan sempurna. Di samping itu, undang-undang yang tegas juga dikenakan terhadap pesalah yang merosakkan harta awam.

Kita juga pernah dikejutkan oleh laporan media yang berkaitan insiden mural Yang di-Pertuan Agong, Perdana



Menteri, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dan lain-lain wira negara diconteng dengan kata-kata kesat. Sikap busuk hati dan tidak bertanggungjawab pelaku itu mencerminkan pengabaian prinsip kesopanan dan kesusilaan dalam diri. Prinsip ini penting untuk dijadikan panduan agar perilaku anggota masyarakat sentiasa terpelihara, serta sentiasa mengamalkan nilai murni dalam kehidupan.

Kini masih ada segelintir masyarakat yang berfikirkan minda kelas ketiga yang terus-menerus “gatal tangan” dengan merosakkan kemudahan yang disediakan kerajaan. Sebelum ini, tular mengenai kemudahan transit aliran massa (MRT) Sungai Buloh–Kajang dirosakkan selepas seminggu beroperasi, tembok di Lebuhraya Pintas Rawang diconteng dengan lukisan grafiti, pameran Pusat Sains Negara dirosakkan, papan tanda di Taman Tasik Titiwangsa diconteng selepas lima jam dibuka, Pintasan Saloma dikotori dengan air minuman pengunjung selepas beberapa hari dibuka secara rasmi dan kiosk buku Kuala

Lumpur Kota Buku Dunia 2020 dirosakkan di Bukit Bintang.

Begitu juga dengan perkhidmatan perkongsian sewa basikal tanpa stesen yang pertama di Malaysia, oBike. Perkhidmatan sewa basikal itu disediakan dengan tujuan utamanya untuk memudahkan dan membantu orang ramai menggunakan pengangkutan berkonsepkan mesra alam. Namun begitu, hal yang sebaliknya berlaku. Ada segelintir masyarakat sanggup mencuri basikal itu dan membawanya pulang ke rumah masing-masing tanpa rasa bersalah selain ada juga yang merosakkannya.

Tambah mengecewakan apabila kemudahan yang dikhususkan untuk golongan OKU terus disalahgunakan oleh segelintir masyarakat yang sempurna pancainderanya. Antara kemudahan tersebut termasuklah laluan pejalan kaki, petak letak kereta, tandas dan tempat duduk dalam pengangkutan khas OKU. Sampai bilakah masyarakat akan lebih bertanggungjawab terhadap golongan ini? Namun begitu, memang bukan mudah untuk menukar minda



masyarakat dalam memupuk nilai sivik terhadap penjagaan kemudahan awam. Orang awam perlu mempunyai nilai murni dalam diri untuk membolehkan mereka menghormati hak yang disediakan khas untuk golongan OKU.

Tindakan vandalisme ini amat mengecewakan semua pihak yang prihatin akan keselamatan kemudahan awam yang disediakan. Meskipun sedar bahawa perbuatan itu salah di sisi agama dan undang-undang, masih banyak yang sanggup membutakan mata dan menulikan telinga dengan bersikap tidak peduli terhadap apa-apa yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Inilah antara sikap segelintir masyarakat yang tidak menghargai kemudahan yang disediakan dan sebaliknya merosakkannya dengan begitu sahaja. Perkara ini bukan sahaja merugikan kerajaan kerana perlu berbelanja besar untuk kerja-kerja membaiki pulih, bahkan merugikan diri sendiri dan masyarakat.

Aktiviti memusnahkan harta awam ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya, termasuklah pelaku yang kurang didikan agama dan moral di rumah. Oleh itu, mereka dikatakan tidak dapat membezakan perkara yang baik dan buruk. Selain itu, ada remaja yang terpengaruh dengan perbuatan yang dilakukan oleh rakan sebaya. Kebiasaannya mereka akan mencontohi tindakan rakan yang merosakkan kemudahan awam. Sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri



dan tidak prihatin akan perkara yang berlaku di sekeliling mereka juga mengundang berlakunya vandalisme. Kebanyakan anggota masyarakat lebih mementingkan urusan mereka sendiri.

Di samping itu, kemudahan awam yang disediakan juga dirosakkan oleh mereka yang ingin meluahkan perasaan marah. Oleh itu, mereka tidak ada tempat lain untuk meluahkan perasaan, selain merosakkan kemudahan awam yang disediakan. Perkara ini jelas terbukti apabila kata-kata kesat dan lucah tertera pada dinding tandas awam atau di pondok telefon awam. Selain itu, pihak berkuasa juga perlu bertindak dengan lebih tegas atau mengenakan denda yang berat terhadap pihak yang merosakkan kemudahan awam kerana semakin ramai yang berani untuk merosakkan kemudahan awam. Faktor kurang pemantauan atau penyelenggaraan daripada pihak yang bertanggungjawab ke atas kemudahan awam menyebabkan si pelaku merosakkannya kerana tidak dapat menggunakannya.

Sehubungan dengan itu, sebagai rakyat yang prihatin tentang masalah ini, kita perlu berusaha dan berganding bahu dengan mengambil tindakan yang berkesan untuk membendung dan mengekang perlakuan negatif ini.

Selain tindakan tegas melalui undang-undang, didikan rohani perlu dipupuk pada peringkat awal pendidikan lagi. Generasi muda perlu dididik betapa perlunya mereka bertanggungjawab menjaga harta benda awam. Kempen dan galakan melalui media elektronik juga perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa dengan lebih berkesan, selain ibu bapa dan para pemimpin masyarakat harus mendukung aspirasi slogan “Kepimpinan Melalui Teladan”.

Kemudahan awam hak milik kita bersama. Oleh itu, marilah kita menjaganya demi kepentingan dan maruah negara. Pembangunan negara dengan pembinaan kemudahan awam sudah banyak dilakukan demi keselesaan dan kesejahteraan rakyat. Maka itu, perubahan minda dan sikap juga perlu bergerak seiring dengan kemajuan dan pembangunan yang dilaksanakan. Bagi pembangunan kelas pertama, minda dan sikap juga perlulah kelas pertama, yang sejajar dengan aspirasi negara menjadi sebuah negara maju. Oleh itu, generasi muda perlulah sentiasa menghargai prasarana yang disediakan itu milik bersama. Janganlah menjadi “kera mendapat bunga”, yang tidak pandai untuk menghargai dan bersyukur. 🇲🇾

#### Individu

- ☑ Memberikan kemudahan kepada golongan yang kurang berkemampuan.
- ☑ Menjamin kesejahteraan hidup.
- ☑ Membantu ketika kecemasan.
- ☑ Menjimatkan perbelanjaan.

#### Masyarakat

- ☑ Menjalin hubungan silaturahim.
- ☑ Menjalin semangat perpaduan.
- ☑ Memupuk semangat bertoleransi.

#### Kepentingan Kemudahan Awam Kepada:

#### Negara

- ☑ Menarik perhatian pelancong untuk berkunjung ke negara ini.
- ☑ Menjimatkan peruntukan kewangan.
- ☑ Meningkatkan ekonomi.